



PENJELASAN MENGENAI PENULARAN MESEJ TIDAK BENAR MENGENAI KAJIAN 'SARS-COV2 (COVID-19) DAN KUCING' DARI FAKULTI PERUBATAN VETERINAR, UPM

Rentetan daripada mesej yang sedang tular di media sosial dan aplikasi *Whatsapp* berkaitan dengan iklan kajian kami bertajuk 'SARS-CoV2 (Covid-19) dan Kucing'. Kami, penyelidik dari Universiti Putra Malaysia dengan ini **menafikan** pernyataan "UPM sudah mula buat kajian kerana semakin ramai yang memelihara kucing dijangkiti penyakit Covid-19. UPM ingin dapatkan bukti yang kucing jadi pembawa virus Covid-19 dan disebarluaskan kepada manusia".

Ingin ditegaskan bahawa mesej/teks ini bukan daripada kami dan kandungannya adalah **TIDAK BENAR** sama sekali. Mesej ini merupakan hasil dari perbuatan individu yang tidak bertanggungjawab.

Objektif utama kajian ini ialah untuk mengetahui sekiranya haiwan peliharaan seperti kucing boleh terjangkit dengan Covid -19 daripada pemilik mereka. Sampel yang diambil daripada kucing ialah calitan hidung, mulut dan rektum serta darah. Pemilik kucing juga diminta untuk menjawab satu kajian soal selidik mengenai sejarah penyakit Covid-19 yang mereka hadapi beserta maklumat mengenai kucing peliharaan dan pengendalian kucing mereka. Hasil kajian ini akan digunakan sebagai panduan atau cadangan bagi mengurangkan risiko jangkitan Covid -19 daripada pemilik haiwan kepada kucing mereka.

Kami menggesa orang ramai, pemilik haiwan dan pencinta haiwan supaya tidak terburu-buru membuat kesimpulan berdasarkan mesej berkenaan. Kami juga berharap agar semua pihak untuk **menghentikan sebaran mesej tersebut kerana ianya adalah SALAH dan bertentangan dengan tujuan sebenar kajian** yang kami jalankan.

Kami ingin memaklumkan bahawa **sehingga kini TIADA bukti saintifik yang mengaitkan kucing atau sebarang haiwan peliharaan lain sebagai penyebar virus Covid-19 kepada manusia atau kepada haiwan lain.**

Kajian ini telah mendapat penyertaan yang mencukupi daripada pesakit Covid-19 dan telah ditutup mulai 23 Mei 2021. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh dikemukakan terus kepada ketua projek, Dr Farina Mustaffa Kamal (farina@upm.edu.my).

Sekian terima kasih.

Maklumat lanjut hubungi:

Prof Dr Abdul Rahman Omar (DVM, PhD)
Profesor (Imunologi Veterinar)
Dekan
Fakulti Perubatan Veterinar
Universiti Putra Malaysia
Emel: aro@upm.edu.my

Prof Dr Latiffah Hassan (DVM, PhD)
Profesor (Epidemiologi dan Kesihatan Veterinar)
Ketua Jabatan
Jabatan Diagnosis Makmal Veterinar Koordinator
Malaysia One Health University Network
Universiti Putra Malaysia
Emel: latiffah@upm.edu.my